

Nama Kolum: Perbendaharaan Rahsia Raja (23)

Nama Pena: Bonda Tun

Tarikh: 28/10/17

Bismillahirrahmanirrahim

Pada ciri pemerintahan sesebuah negara yang mengikut kepada kaedah *Fiqh Siyasi*, jemaah pentadbirannya bukan mewakili, mengambil mandat, atau memikul amanah rakyat. Jemaah ini hakikatnya mengambil mandat Khalifah atau Sultan dan memikul amanah Ketua Negara ini. Sedangkan Khalifah dan Sultan pula MENGAMBIL MANDAT ALLAH, mewakilinya dan memikul amanahnya.

Perbezaan ini adalah amat besar kerana apabila pemimpin mengambil mandat rakyat seperti sistem demokrasi mutlak ala barat yang diguna pakai oleh kebanyakan bentuk pemerintahan moden masakini, bermakna mereka diamanahkan OLEH RAKYAT untuk memenuhi segala kehendak dan keperluan mereka, sedangkan kehendak-kehendak rakyat tidak semestinya sama dengan kehendak-kehendak Allah, malahan banyak juga yang berlawanan dengan kehendak Allah, Rasulullah dan kepentingan Agama Islam sehingga memudaratkan masyarakat. Kerana rakyat secara umumnya akan lebih mengambil berat kepada keperluan serta peningkatan materi, nafsu, duniawi dan perkara-perkara zahiriyah semata-mata, berbanding dengan keperluan dan kepentingan keimanan, keagamaan, serta perbekalan untuk alam akhirat kelak. Oleh itu dalam sistem demokrasi mutlak, kalau rakyat menolak hudud, pemimpin terpaksa menolak hudud, kalau rakyat hendak mengamalkan percampuran bebas diantara lelaki perempuan, menyokong amalan seks songsang, golongan liberal dan LGBT, pemimpin terpaksa mengalah, kalau rakyat hendak berjudi, pemimpin terpaksa sediakan tempat perjudian dan sebagainya.

Sedangkan kepimpinan yang mengambil mandat Allah akan membuat keputusan dan tindak tanduk sesuai dengan peranan mereka sebagai WAKIL ALLAH dan RASULNYA ﷺ, di dunia ini. Bermakna dalam urusan hal ehwal pemerintahan negeri, perkiraan kehendak-kehendak Allah dan RasulNya akan **diutamakan** berbanding dengan kehendak-kehendak rakyat jelata. Dan kehendak-kehendak Allah dan RasulNya adalah hakikatnya atas tujuan menjaga maslahat ummah, hatta kepentingan bagi golongan bukan Islam dalam kerangka Maqasid Syariat .

Bermakna keperluan-keperluan rakyat yang terbaik adalah terbina secara dalaman, atau *'inbuilt'* dalam sistem, apabila pemerintah memenuhi kehendak-kehendak Allah dalam urusan pemerintahan umat Islam, hatta bagi golongan *non Moslem*. Keperluan keagamaan, keamanan, keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran akan terbela.

Dalam perlembagaan negara Malaysia, Perkara 37 Bahagian 1 jelas tertera Sumpah Jawatan bagi Yang di-Pertuan Agong sebagaimana berikut:

“ Kami, _____ ibni _____, Yang di-Pertuan Agong bagi Malaysia bersumpah dengan melafazkan: Wallahi, Wabillahi, Watallahi: maka dengan lafaz ini berikrarlah Kami dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya mengaku akan taat setia pada menjalankan dengan adilnya pemerintahan bagi Malaysia dengan mengikut sebagaimana undang-undang dan Perlembagaan yang telah disahkan dan dimasyurkan di masa hadapan ini. Dan lagi

Kami berikrar mengaku dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa Agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri.”

Sumpah jawatan yang di-Pertuan Agong Malaysia atas lafaz “*Wallahi, Wabillahi, Watallahi*” merupakan suatu ikrar bersumpah atas nama Allah, bukan sahaja merujuk kepada negara Malaysia sebagai negara yang berpaksi, berpasak dan menjunjung Allah dan RasulNya ﷺ, sekaligus meletakkan kedaulatan Raja-raja Melayu atas nama Allah yang Maha Esa lagi Maha Agong. Malahan atas lafaz yang mulia ini juga diikrarkan ketaatan kepada Allah “*pada menjalankan dengan ADILnya pemerintahan bagi Malaysia*”, yang sudah tentunya tafsiran atau makna bagi kalimah ‘adil’ itu perlu diambil daripada sumber Quran dan Hadith sebagai sumber utama bagi perundangan Islam, sebagaimana yang telah disepakati oleh jumur ulama ahlu sunnah wal jamaah yang menjadi asas, usul dan warisan turun temurun dalam perkembangan hukum-hakam serta perundangan kesultanan-kesultanan dalam negara ini. Dan bukannya konsep ‘adil’ pada tafsiran barat yang jauh tersasar daripada tafsiran agama Islam yang sebenarnya,

Kemudian, dalam payungan ikrar tersebut juga, sumpah jawatan yang di-Pertuan Agong juga meletakkan ikrar untuk “*memelihara pada setiap masa Agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam Negeri*”.

Jelas pada Sumpah Jawatan bagi Yang di-Pertuan Agong Malaysia menjadi bukti nyata bahawa baginda mengambil mandat dan amanah Allah sebagai Ketua Negara, bukan mengambil mandat rakyat jelata, tidak sepertimana yang berlaku dalam sistem demokrasi mutlak seperti kebanyakan negara-negara republik dunia.

Bagi golongan yang mempersoalkan di mana imbalan kuasa untuk sistem pemerintahan mengikut kaedah *Fiqh Siyasi* yang seolah-olah meletakkan Khalifah atau Sultan pada tahap pemerintah mutlak, sebenarnya ‘*check and balance*’ tersebut ada pada jemaah *ahli hilli wa al ‘aqd* atau dalam konteks warisan pentadbiran kesultanan silam warisan alam Melayu, ada disebut sebagai Jemaah Pangkuan yang lazimnya terdiri daripada Bendahara@ *Wizarah at-Tafwidh*, Temenggung, Laksamana dan Penghulu Bendahari yang posisinya sebagai *Wizarah at-Tanfidz*. Mereka mengambil mandat Sultan, yang mengambil mandat Allah, namun mempunyai peranan sebagai kuasa yang mengimbangi kedudukan pemerintah.

Kalangan ahli Jemaah Pangkuan ini juga duduk dalam Majlis Syura yang merupakan suatu badan perwakilan umat tertinggi, terdiri dari cendekiawan dan pakar dalam berbagai bidang seperti bidang politik dan pentadbiran, ekonomi, ketenteraan dan sebagainya.

Ruang lingkup musyawarah dalam Majlis Syura meliputi segala aspek-aspek urusan pemerintahan dan pengurusan rakyat dan negara, selama mana ianya tidak menyalahi nas al-Quran, as-Sunnah dan ijma’ ulama, bahkan boleh berijtihad bila diperlukan asal bukan ijtihad yang terkait dengan sumber nas. Malah aplikasi musyawarah bersifat fleksibel dalam mengikuti bentuk-bentuk lembaga politik dan negara yang sering berubah dan berkembang asal sahaja tidak menyimpang dari hukum syarak.

Antara syarat kelayakan anggota *ahli hilli wa al 'aqd* dalam Majelis Syura menurut ulama besar al-Mawardi dalam kitabnya *al-Ahkam Sulthoniyyah*, adalah adil, mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup untuk memilih calon-calon yang layak dan memenuhi syarat-syarat tertentu, serta mempunyai pandangan yang luas hingga membolehkannya mengetahui orang yang lebih utama dan berhak sebagai pemimpin. Dan dalam skop kuasa untuk mencalon dan memilih Ketua Negara, ianya merujuk kepada kewajiban memilih berdasarkan perundingan dan muafakat.

Wallahu 'alam bissawab
Bersambung....